

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Cuti Panjang
Sidang Akademik 1997/98

April 1998

AAP400 - SEMINAR DAN TEORI PERAKAUNAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA** soalan lain.

Soalan 1 - WAJIB

Jelaskan kenapa aliran perdana dalam pemikiran perakaunan dicabar akan kewibawaannya dalam membentuk teori dan amalan perakaunan.

[20 markah]

Soalan 2

Pengukuran aset dan liabiliti dalam kunci kira-kira kebiasaannya matlamat sekundernya ialah untuk menentukan pendapatan. Oleh itu, berbagai teknik pengukuran digunakan untuk mendedahkan aset dan liabiliti.

Bincangkan teknik-teknik pengukuran yang digunakan untuk mendedahkan aset dan liabiliti dalam kunci kira-kira.

[20 markah]

...2/-

Jawab TIGA soalan sahaja.

Soalan 3

Bincangkan maksud relevan dan kebolehpercayaan (reliability) mengikut pandangan Financial Accounting Standard Board. Bagaimana ciri-ciri ini berkaitan dengan "kebergunaan" (usefulness) maklumat.

[20 markah]

Soalan 4

Bincangkan dua daripada model sistem perakaunan untuk pelaporan. Nyatakan kekuatan dan kelemahan model tersebut.

[20 markah]

Soalan 5

Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kadar tukaran asing. Jelaskan dua daripada kaedah terjemahan (translation method) dan kaitkan dengan kesan perubahan kadar tukaran ke atas nilai aset.

[20 markah]

Soalan 6

Bincangkan elemen-elemen yang terdapat dalam kunci kira-kira. Nyatakan asas pengukuran untuk pendedahan bagi elemen-elemen tersebut.

[20 markah]

---ooo000ooo---